

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : BANTUAN NELAYAN

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan secara *detail* apakah program bantuan nelayan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Sila nyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan sepanjang 2017?
- c) Sila nyatakan apakah kaedah pemantauan yang dilakukan bagi mengenal pasti peserta penerima bantuan Nelayan tidak menyalahgunakan bantuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Program Bantuan Nelayan adalah merupakan satu program yang amat diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri Selangor. Ini adalah kerana golongan nelayan adalah merupakan pembekal kepada salah satu sumber protein kepada kehidupan seluruh rakyat di Negeri Selangor khususnya. Bagi memastikan bekalan sumber marin tidak terputus, Kerajaan Negeri telah menyediakan beberapa bentuk bantuan khusus kepada golongan tersebut. Bantuan yang diberikan adalah berbentuk peralatan untuk menangkap ikan seperti jaring, peralatan *Global Positioning System* atau *GPS*, jaket keselamatan serta bantuan sampan dan enjin bot. Walau bagaimanapun bantuan sampan dan enjin tidak lagi berikan sejak tahun 2016 memandangkan kos per unit yang tinggi.
- b) Bagi tahun 2017, sejumlah RM500,000.00 telah diluluskan bagi tujuan pemberian bantuan peralatan berbentuk jaring menangkap ikan kepada nelayan seluruh Negeri Selangor dengan jumlah penerima adalah seramai 333 orang.
- c) Bagi memastikan pemantauan ke atas setiap nelayan yang menerima bantuan disediakan oleh Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan dengan berkesan, syarat utama yang ditetapkan adalah setiap nelayan yang memohon mestilah merupakan nelayan yang telah berdaftar dengan Jabatan Perikanan Selangor. Ini adalah kerana, hanya nelayan yang berdaftar sahaja diperakui sebagai nelayan yang menjadikan tangkapan ikan sebagai sumber pendapatan utama keluarga. Melalui kaedah tersebut, setiap nelayan yang menerima bantuan peralatan akan dipantau secara berkala iaitu sekurang-kurangnya sekali setahun ketika permohonan memperbaharui lesen nelayan dan juga melalui

pemantauan oleh Jabatan Perikanan Selangor di jeti-jeti nelayan pada kadar 2 kali setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PASAR RAKYAT

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah Pasar Rakyat yang telah dibuka mengikut PBT?
- b) Berapa jumlah usahawan yang terlibat mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak satu (1) Pasar Rakyat yang telah dibina setakat ini di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) manakala Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) masih dalam perancangan dan pembinaan.
- b) Bilangan keseluruhan usahawan adalah sebanyak 55 orang iaitu di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PENDAPATAN ISI RUMAH

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah capaian tertinggi Selangor dalam purata pendapatan isi rumah bulanan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia?
- b) Apakah kriteria untuk pencapaian ini dan daerah manakah yang mencatat purata pendapatan tertinggi?
- c) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menaik taraf pendapatan isi rumah rakyat?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 9 Oktober 2017, Negeri Selangor merekodkan pendapatan isi rumah bulanan purata tertinggi dalam konteks negeri pada kadar RM9,463. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 6.8% berbanding purata yang dicatatkan pada tahun 2014 sebanyak RM8,252. Negeri Selangor juga berjaya mencatatkan pendapatan isi rumah bulanan purata melebihi paras nasional iaitu sebanyak RM6,958.
- b) Antara kriteria yang dilihat bagi pencapaian ini adalah kepadatan pembangunan dan peluang pekerjaan yang tinggi di sesuatu kawasan. Pendapatan isi rumah purata peringkat daerah pentadbiran menunjukkan kedudukan lima (5) teratas merupakan daerah di Negeri Selangor. Daerah Petaling merekodkan purata pendapatan isi rumah sebanyak RM10,792 manakala Daerah Sepang kedua tertinggi dengan purata pendapatan isi rumah sebanyak RM10,121. Tiga (3) daerah lain adalah Daerah Gombak, Hulu Langat dan Klang yang masing-masing mencatatkan purata pendapatan isi rumah sebanyak RM9,908, RM9,593 dan RM8,606. Daerah lain di Selangor yang menduduki tangga dua puluh (20) teratas adalah Kuala Langat dan Kuala Selangor dengan purata pendapatan isi rumah sebanyak RM6,615 dan RM6,532.

- c) Menyedari kepentingan bagi membantu rakyat Selangor dalam menaiktaraf pendapatan isi rumah rakyat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan langkah-langkah utama antaranya melalui pelaksanaan 43 inisiatif dan insentif di bawah Program IPR dengan enam (6) kluster tumpuan iaitu pendidikan, pekerjaan, perumahan, kekeluargaan, kesihatan dan kebajikan.

Antara program tersebut adalah:

1. **Bas Smart Selangor** yang merupakan perkhidmatan bas percuma mula dilaksanakan pada 1 Julai 2015 dengan mengambilkira aspek-aspek seperti pemilihan laluan di kawasan berkepadatan tinggi untuk disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah. Keutamaan laluan adalah di kawasan yang tiada perkhidmatan bas sedia ada, manakala lokasi tumpuan adalah seperti pusat membeli belah, pejabat-pejabat kerajaan dan kemudahan awam.
2. **Skim Hijrah Selangor** yang merupakan skim mikrokredit kepada golongan miskin untuk membantu berhijrah kepada golongan berpendapatan kelas menengah. Sehingga 31 Julai 2017, seramai 38,914 orang telah mendapat manfaat melalui program ini dengan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sebanyak RM240,385,500.00.
3. **Dana Usahawan Mikro Selangor** iaitu insentif kepada usahawan muda berjumlah RM10,000 kepada RM30,000 bagi setiap permohonan sebagai galakan kepada usahawan muda meningkatkan produktiviti dan pasaran produk yang seterusnya dapat mentransformasikan taraf hidup ke suatu tahap yang lebih tinggi.
4. **Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan** yang berbentuk penajaan bagi golongan masyarakat individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil. Program ini dilaksanakan dengan pemberian bantuan peralatan/mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan. Sehingga 31 Julai 2017, jumlah penerima manfaat bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan adalah seramai 3,264 orang.
5. **Bekalan Air 20m³ Percuma** merupakan insentif Kerajaan Negeri bagi meringankan beban kehidupan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah akibat daripada kadar sara hidup dan inflasi yang tinggi dengan menawarkan air bersih sebanyak 20 meter padu,

bersamaan dengan 20,000 liter atau 5,680 galen, setiap bulan bersamaan RM11.40 secara percuma untuk rakyat. Faedah ini adalah untuk semua tanpa mengira taraf ekonomi, kaum, fahaman politik, asalkan tinggal di Selangor, berhak mendapat air percuma tersebut, setiap bulan. Sehingga 31 Julai 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,354,206,738.00 bagi membiayai bekalan percuma ini.

- 6. Skim Peduli Sihat** adalah penyediaan perkhidmatan percuma penjagaan kesihatan untuk 250,000 keluarga atau sejuta rakyat Selangor yang mempunyai pendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM125 juta setahun bagi skim ini yang diuruskan oleh Selgate Corporation selaku Third-Party Healthcare Administrator. Peruntukan tersebut merangkumi pembiayaan rawatan kesihatan asas (*primary care*) setiap keluarga yang layak sehingga RM500 setahun. Setiap peserta akan menerima kad kesihatan Peduli Sihat yang membolehkan pemegang akaun utama serta tanggungan, isteri juga anak di bawah 21 tahun menerima rawatan doktor (*general practitioner*) di klinik berdaftar menurut had gunaan dan kelayakan ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : KEMUDAHAN KESIHATAN

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan merancang untuk mewujudkan Pusat Dialisis Rakyat bagi membantu meringankan bebanan pesakit di setiap kawasan Dewan Negeri di seluruh Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Panel Dialisis Sihat Selangor (PDSS) dengan melantik pusat rawatan yang berdaftar dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor sebagai Panel Dialisis. Panel Dialisis ini akan memberi rawatan kepada pesakit dialisis dengan kos rawatan sebahagiannya ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Setakat ini, terdapat 72 buah Panel Dialisis yang bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri di seluruh Negeri Selangor dan juga yang bersempadan.

Kerajaan Negeri berpandangan bahawa model pelaksanaan sedia ada adalah yang terbaik dan akan dikekalkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN JALAN, LONGKANG, LAMPU JALAN LUAR
BANDAR DAN TANAH-TANAH LOT PERSENDIRIAN**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri merancang satu Peruntukan Khas bagi menyelenggara jalan, longkang, lampu jalan luar bandar dan tanah-tanah lot persendirian yang tidak tertakluk kepada sekatan SOP sedia ada Pejabat Daerah & Tanah?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Daerah Klang tiada Peruntukan Khas bagi menyelenggara jalan, longkang, lampu jalan luar dan tanah-tanah lot persendirian yang tidak tertakluk kepada sekatan SOP sedia ada.

Walaupun, Pejabat Daerah Tanah Klang telah melaksanakan penyelenggaraan menggunakan peruntukan sedia ada melalui MARRIS bagi jalan yang layak didaftarkan di bawah MARRIS dan penyelenggaraan jalan-jalan kampung di atas tanah persendirian yang tidak berdaftar di bawah MARRIS menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri sepertimana yang dipersetujui dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Darul Ehsan ke-26/2016 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Darul Ehsan Ke-27/2016.

Pejabat Daerah Tanah Klang juga tiada peruntukan bagi penyelenggaraan longkang dan lampu jalan luar bandar di atas tanah persendirian. Ia adalah di bawah tanggungjawab pemilik tanah yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : WANITA SELANGOR DI EKONOMI

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kadar penglibatan wanita dalam pekerjaan di Negeri Selangor? Bandingkan dengan purata nasional.
- b) Apakah polisi dan tindakan Kerajaan Negeri untuk memperdaya golongan wanita yang bekerja?
- c) Apakah polisi dan tindakan Kerajaan Negeri untuk memperdaya golongan wanita yang merupakan suri rumah?

JAWAPAN:

- a) Menurut statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia sehingga Mac 2017, kadar penglibatan wanita dalam pekerjaan di Negeri Selangor adalah 65.4% berbanding dengan kadar penglibatan wanita dalam pekerjaan di Malaysia iaitu 54.3%

Jika kita bandingkan dengan kadar penglibatan lelaki dalam pekerjaan di Negeri Selangor adalah sebanyak 82.2% berbanding Malaysia secara keseluruhannya iaitu 80.2%.

- b) Untuk pengetahuan pihak YB, Selangor merupakan satu-satunya negeri yang telah melancarkan Dasar Wanita dan ini merupakan satu usaha yang baik dan harus dibanggakan dalam memartabatkan status wanita di Malaysia. Melalui usaha ini, banyak program yang sedang dirangka dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Antaranya ialah Seminar dan Projek Printis Keseimbangan Hidup Bekerja yang akan dilaksanakan melalui Insititut Wanita Berdaya (IWB). Seminar dan Projek Perintis adalah bertujuan untuk memastikan wanita bekerja di Selangor mendapat perhatian yang sepatutnya dalam memastikan mereka tidak dibebankan hanya dengan kerja domestik. Usaha ini dilakukan kerana antara faktor yang dikaitkan dengan penurunan tenaga buruh wanita ialah bebanan penjagaan anak dan rumahtangga serta ibu-bapa yang tua diletakkan di atas bahu wanita. Oleh kerana tidak dapat mencapai keseimbangan antara tanggungjawab penjagaan dan kerjaya, wanita sering memilih untuk berhenti kerja. Kerajaan Negeri turut menyokong golongan wanita yang bekerja dengan

melaksanakan Kempen Hormat Wanita dengan menjadikan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) Shah Alam atau dikenali sebagai bangunan SUK Selangor sebagai projek perintis dengan menyediakan bilik laktasi dan parkir ibu hamil khusus bagi golongan wanita bekerjaya yang masih produktif

Selain itu juga, melalui Skim Inisiatif Peduli Rakyat (IPR), Kerajaan Negeri menghargai peranan wanita dalam pembangunan masyarakat, sosial dan ekonomi negeri dalam membentuk Negeri Selangor yang mampan dan sejahtera. Pelbagai program dan inisiatif Kerajaan Negeri telah dirangka melalui Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dalam menyalurkan bantuan dan sokongan kepada rakyat terutama golongan B40. Kesemua 42 program IPR adalah layak untuk dimanfaatkan oleh golongan golongan wanita sekiranya cukup syarat kelayakan yang ditetapkan sama ada program kesihatan, pendidikan, perniagaan dan perusahaan mahupun bantuan kepada anak-anak.

- c) Bagi golongan suri rumah pula, Kerajaan Negeri Selangor telah banyak memberikan inisiatif yang baik dalam memberdaya golongan ini. Skim Peduli Rakyat yang melibatkan wanita telahpun dilaksanakan agar golongan wanita yang menjadi suri rumah tidak ditinggalkan dibelakang.

Selain itu, usaha-usaha yang telah dicadangkan untuk dilaksanakan adalah Koperasi Wanita Negeri Selangor. Koperasi ditubuhkan untuk membantu golongan wanita yang tidak berkerja untuk menceburi bidang perniagaan. Walaupun tidak memperolehi bakat dalam berniaga, melalui Koperasi ini wanita-wanita ini akan diberi tunjuk ajar agar mereka mampu membina kapasiti. Koperasi ini juga meliputi kepada bidang-bidang yang sering diceburi wanita yang menjadi surirumah seperti penjagaan “*caregiver*”, *post-natal*, dan perniagaan lain yang dapat menjana pendapatan dan mengangkat status ekonomi wanita.

(Jawapan disediakan oleh : Institut Wanita Berdaya (IWB))

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : TINDAKAN SERIUS MENJAGA KESELAMATAN KAMPUNG

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah progres tindakan kerajaan membantu menjaga keselamatan kampung tradisi khususnya di pinggiran bandar?
- b) Berapakah anggota keselamatan dari JKKK yang minimum untuk meronda dan mempasti keselamatan kampung?
- c) Adakah kerajaan akan membekal CCTV di kawasan *hot spot* jenayah/ gejala sosial di kampung?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memandang serius terhadap keselamatan penduduk kampung di negeri Selangor. Sehubungan itu, pada tahun ini Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan Program Ikatan Desa di Kampung Tradisi dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM3,680,000.00. Ikatan Desa merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan luar bandar di Selangor. Seramai 10 orang ahli akan dilantik di setiap Kampung Tradisi yang akan menjalankan tugas meronda dan memastikan keselamatan kampung.

Di samping itu, penubuhan Ikatan Desa ini akan meningkatkan hubungan kerjasama dan perpaduan di kalangan penduduk kampung sendiri. Namun begitu, adalah menjadi peranan ahli-ahli JKKK sendiri di dalam menjaga keselamatan kampung supaya kehidupan masyarakat kampung diperkukuhkan. Dengan wujudnya Ikatan Desa di peringkat kampung tradisi, keselamatan dan kesejahteraan kampung telah dapat dipertingkatkan.

- b) Untuk program Ikatan Desa, Kerajaan Negeri mensyaratkan seramai 10 orang ahli bagi setiap kampung dilantik sebagai ahli Ikatan Desa. Jumlah ini dilihat mencukupi untuk meronda dan memastikan keselamatan kampung berdasarkan keluasan dan kapasiti kampung sedia ada.

- c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk memperuntukkan sebarang peruntukan khas bagi pemasangan CCTV di kawasan hot spot jenayah/gejala sosial di kampung. Namun begitu, Kerajaan Negeri lebih menumpukan kepada pemberian peralatan keselamatan seperti *walkie talkie*, *vest* keselamatan, lampu baton, *first aid kit* dan beberapa peralatan lain untuk digunakan semasa sesi rondaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PROGRAM USAHAWAN BELIA

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program bagi menggalakkan belia India menjadi usahawan dan bagaimanakah penggunaan peruntukan 1 juta untuk usahawan belia India?

JAWAPAN:

- a) Pada 31 Oktober 2016 di dalam Pembentangan Belanjawan 2017 Negeri Selangor yang lalu, Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah mengumumkan sebanyak RM1,000,000.00 diperuntukan bagi tujuan Program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor atau *Selangor Indian Entrepreneurship and Capacity Building Program : Towards Economic Resilience, Empowerment and Upward Mobility*.

Program ini akan dilaksanakan secara berperingkat di mana fasa pertama telah dimulakan pada Ogos 2017 melibatkan seramai 240 usahawan India. Manakala fasa kedua melibatkan seramai 90 usahawan India. Anggaran bagi penyertaan fasa selanjutnya adalah seramai 200 orang usahawan India. Kumpulan sasar bagi program ini adalah seperti berikut:

- i) Lelaki dan wanita kaum India berumur 18 tahun sehingga 60 tahun;
- ii) Belia atau graduan menganggur kaum India; dan
- iii) Ketua keluarga India berpendapatan rendah iaitu di dalam kategori B40 / M40.

Dari jumlah 330 usahawan india, dianggarkan seramai 15 orang peserta kumpulan pertama telah memulakan perniagaan mereka dan dianggarkan 13 orang peserta pula sudah pun mengambil inisiatif di bawah program Hijrah Selangor untuk mengembangkan perniagaan.

Peserta yang menyertai program ini akan menjalani latihan berbentuk kemahiran bersama syarikat peneraju/ NGO terpilih dan akan dipantau oleh syarikat peneraju/ NGO. Selepas tamat tempoh latihan tersebut, peserta akan diberi peluang untuk terus mengendalikan perniagaan mengikut jenis latihan yang diceburi dan diberi peluang untuk memohon bantuan dana dari HIJRAH Selangor. Program ini adalah latihan secara terus di dalam bidang perniagaan

dan peserta berpeluang untuk menjalani latihan dan dalam masa yang sama sebagai permulaan peserta dapat menghasilkan produk untuk dijual terus dalam skala yang kecil.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui HIJRAH Selangor melaksanakan program mentor usahawan (*mentoring system*) iaitu *Zero to Hero* di mana pada program ini usahawan dilatih dan dipantau oleh syarikat peneraju (*anchor company*) dalam jangka masa 6 bulan untuk memastikan kejayaan mereka.

Pada program *Zero to Hero*, para peserta akan di beri taklimat oleh syarikat peneraju dan HIJRAH Selangor dan peserta dibahagikan mengikut golongan sasaran yang ditentukan. Seterusnya, peserta yang terpilih akan mengikuti latihan mengikut jangka masa yang ditetapkan.

Setelah tamat latihan, peserta yang berkecukupan sahaja akan ditawarkan pinjaman HIJRAH dan tempat/tapak niaga. Syarikat peneraju akan membantu dengan membekalkan peralatan dan barangan perniagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : DENGGI

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik kes denggi terkini?
- b) Nyatakan langkah-langkah baru untuk mengurangkan bilangan kes denggi dan apakah keberkesanannya?

JAWAPAN:

- a) Laporan Situasi Denggi di Negeri Selangor secara kumulatif bagi tahun 2017 sehingga 21 Oktober 2017 telah merekodkan 40,164 kes, berbanding 45,432 kes pada tahun 2016. Jumlah kes denggi bagi tahun 2017 menunjukkan pengurangan sebanyak 11.6% iaitu pengurangan sebanyak 5,268 kes berbanding tahun 2016.

Kumulatif kes kematian pula mencatatkan sebanyak 59 kes sehingga 21 Oktober 2017 berbanding 68 kes kematian pada tahun 2016, iaitu pengurangan sebanyak 13%. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan kes denggi dan kematian bagi tahun 2016 dan 2017 mengikut daerah :

DAERAH	KUMULATIF KES		KUMULATIF KEMATIAN	
	2017	2016	2017	2016
Petaling	12,166	18,776	13	24
Hulu Langat	12,249	10,311	28	22
Klang	6,780	6,590	5	10
Gombak	4,898	5,073	7	5
Selangor	1,656	1,692	1	1
Kuala Langat	1,123	1,257	1	1
Hulu Selangor	662	966	3	3
Kuala Selangor	469	546	1	2

DAERAH	KUMULATIF KES		KUMULATIF KEMATIAN	
	2017	2016	2017	2016
Sabak Bernam	161	221	0	0
JUMLAH	40,164	45,432	59	68

- b) Pelbagai Usaha telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengawal dan mencegah kes demam denggi dan kes kematian denggi di negeri Selangor. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri memperuntukan sebanyak **RM5,000,000.00** untuk menampung perbelanjaan aktiviti kawalan dan pencegahan ini. Hanya negeri Selangor memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk menangani denggi berbanding negeri lain di Malaysia. Sebahagian besar peruntukan ini adalah bagi melantik ***Pest Controller Operator (PCO)*** bagi membantu kawalan di peringkat PBT iaitu **RM2.6 juta**. Selain itu, **RM1.2 juta** disalurkan kepada **Pihak Berkuasa Tempatan bagi pembelian racun serta peralatan dan keperluan** dalam melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan. Sebanyak **RM560,000.00** disalurkan kepada **Ahli Dewan Negeri** untuk membantu melaksanakan program pencegahan denggi seperti gotong-royong di kawasan masing-masing. **Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah** telah diperuntukan sebanyak **RM350,000.00** mengikut daerah bagi menangani isu berbangkit berkaitan yang boleh menyebabkan pembiakan denggi.

Kes demam Denggi Negeri Selangor dipantau secara konsisten melalui 2 Mesyuarat Tindakan Denggi iaitu:

1. **Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri Selangor** yang diadakan setiap 2 minggu bagi membincangkan dan merangka dasar serta melaksanakan program-program kawalan dan pencegahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Jabatan di peringkat Negeri; dan
2. **Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah** yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya diadakan setiap minggu bagi membincangkan permasalahan di lokaiti wabak terutama hotspot . Mesyuarat ini akan memutuskan tindakan serta merta di peringkat daerah bagi permasalahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri wakil Jabatan di peringkat daerah termasuk Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis dan pihak terlibat langsung dengan isu dibincangkan.

Dalam masa yang sama, pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini termasuklah :

- a) Pelantikan semua **Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan** menjadi **Pengerusi Denggi Mengikut zon**. Ahli Majlis adalah sebagai perantara di antara YB ADN kawasan dengan pimpinan masyarakat setempat serta agensi-agensinya pelaksana bagi merancang dan melaksanakan program menghapuskan denggi. Pelantikan ini dapat membantu kawalan dan pencegahan denggi yang boleh dilaksanakan oleh semua pihak secara bersama bagi mengurangkan penularan kawasan wabak di kawasan masing-masing.
- b) Pelaksanaan **OPS Bersepadu Denggi**. OPS yang pertama kali diadakan di Daerah Hulu Langat ini mengumpulkan semua PBT bagi membantu pihak MPKJ dan MPAJ dalam melaksanakan tindakan kawalan dan pencegahan di daerah Hulu Langat pada hujung minggu memandangkan berlaku peningkatan kes yang mendadak. Hasil daripada pelaksanaan Ops Bersepadu Denggi selama 2 bulan, kes demam denggi di daerah Hulu Langat menurun dengan signifikan dan sekali gus menunjukkan kejayaan pelaksanaan OPS tersebut.
- c) Pelancaran **Program Semburan Aerosol Selangor** untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya penggunaan aerosol di dalam rumah supaya ahli keluarga dapat dilindungi daripada nyamuk Aedes. Program SAS yang dilancarkan pada 26 Februari 2017 telah menunjukkan pengurangan sebanyak 9 lokaliti hotspot di seluruh negeri selepas 1 bulan pelaksanaannya. Ini menunjukkan keberkesanan program yang dijalankan amatlah memberangsangkan. Selain itu, program SAS ini turut dipanjangkan kepada semua pengusaha **pengangkutan awam di Selangor** termasuk pengusaha bas Smart Selangor, bas persiaran, bas sekolah, bas pekerja, bas berhenti-henti serta pemandu teksi untuk tujuan perlindungan yang lebih menyeluruh.
- d) **Penyusunan dan pembahagian lokaliti wabak** di Negeri Selangor telah dilaksanakan di peringkat Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah masing-masing. Memandangkan terdapat sesetengah lokaliti mempunyai keluasan yang agak besar untuk aktiviti kawalan dan pencegahan. Penyusunan dan pembahagian semula ini bagi memudahkan tindakan lanjut di peringkat PBT dan PKD untuk lebih fokus kawasan wabak yang terlibat.
- e) Program **Nyamuk Wolbachia oleh Institute of Medical Research (IMR)** telah dilaksanakan bermula Mac dan Mei 2017 di AU2, Taman Keramat dan Blok D, Seksyen 7, Shah Alam. Program ini di luaskan kepada lokaliti hotspot yang lain di daerah Petaling iaitu di Seksyen 7 Pusat Komerisal, Shah Alam dan Mentari Court, Petaling Jaya.

Laporan keberkesanan pelaksanaan program ini masih belum dibentangkan oleh pihak IMR memandangkan ianya memerlukan tempoh masa yang panjang untuk pemantauan secara menyeluruh.

- f) Melaksanakan **Program Terjah Denggi di Kuarters Milik Kerajaan**. Kerajaan Negeri amat memandang serius bagi kes Denggi yang berlaku di kuarters Kerajaan kerana melibatkan penjawat awam di Selangor. Lanjutan itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBT dan PKD untuk membuat kawalan serta merta apabila menjadi hotspot.
- g) Pelaksanaan **Pendekatan Ekosistem Kawalan dan Pencegahan Denggi**. Pendekatan Ekosistem telah dilaksanakan di beberapa daerah yang mencatatkan kes demam denggi yang tinggi. Setiap PBT dan PKD dibahagikan kepada ekosistem mengikut kawasan ADN, Zon atau Seksyen. Aktiviti pencegahan dan kawalan denggi hendaklah fokus dan akan berubah mengikut kesesuaian geografi kawasan atau tempat.
- h) Pemantauan **Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) di kawasan wabak Denggi**. Terdapat penemuan berkaitan kegagalan rekabentuk SPAH oleh perunding, kegagalan pemilik untuk menyelenggara dan kurangnya kesedaran awam berkaitan SPAH sehingga menyebabkan berlaku pembiakan aedes di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri telah mengarahkan untuk pihak KPKT melihat semula kriteria pelaksanaan. Pada masa yang sama, PBT negeri Selangor diminta memantau perkara ini bagi mengelakkan peningkatan kes yang mendadak.
- i) Menggalakkan **penglibatan semua rumah ibadat Islam dan selain Islam** untuk mengadakan gotong-royong di kawasan masing-masing bagi menjaga dan memastikan premis adalah bebas aedes.
- j) Penyediaan **Blueprint Denggi Negeri Selangor** yang mempunyai 3 matlamat utama melalui pelaksanaan 4 Program khas dan dikuatkuasakan oleh 4 garis panduan akan dilancarkan pada tahun 2018. Blueprint ini adalah gerak kerja yang dirancang bagi memastikan kes denggi di Selangor berada di tahap terkawal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PROJEK LANDASAN KERETAPI PANTAI TIMUR (ECRL)

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tanah-tanah yang terlibat dengan projek Keretapi Laju ke Pantai Timur?
- b) Berapakah pampasan yang penduduk akan perolehi?

JAWAPAN:

a) dan b)

Melalui penelitian saya, dua soalan telah ditanyakan tentang perkara berkaitan *East Coast Rail Link* (ECRL). Soalan-soalan tersebut datangnye dari:

No Soalan	Nama ADUN	Tajuk Soalan
289	Damansara Utama	EAST COAST RAIL LINE (ECRL) a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri dimaklumkan tentang rancangan Kerajaan Persekutuan berkenaan sebahagian East Coast Rail Line (ECRL) di Negeri Selangor? b) Adakah Kerajaan Negeri ada maklumat tentang ECRL fasa kedua yang menghubungkan ITT Gombak - Pelabuhan Klang? c) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap projek ini?

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung status pelaksanaan projek *East Coast Rail Link* (ECRL).

1. Pembangunan projek Laluan Rel Pantai Timur (*East Coast Rail Link - ECRL*) hanya dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri Selangor melalui mesyuarat penubuhan Jawatankuasa Pemandu Projek Laluan Rel Pantai Timur Bil.1/2017 pada 25 Januari 2017 bertempat di Kementerian

Kewangan, di mana Kerajaan Negeri Selangor dilibatkan di dalam jawatankuasa tersebut.

2. Lanjutan daripada mesyuarat itu, pihak Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), selaku pemaju projek yang dilantik telah memohon untuk mengadakan kunjungan hormat kepada Dato' Menteri Besar Selangor pada 20 Julai 2017 bagi membincangkan pelaksanaan projek ECRL yang akan melibatkan sebahagian kawasan di dalam Negeri Selangor. MRL merupakan sebuah anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan dan adalah pemilik aset ECRL.
3. Di pihak Kerajaan Negeri, itu sahaja pemakluman tentang pelaksanaan projek ECRL Fasa Pertama iaitu bagi jajaran Kota Bharu ke ITT Gombak dan masih terlalu awal untuk Kerajaan Negeri memberi apa-apa ulasan tentang projek ini. Berhubung dengan projek ECRL Fasa kedua yang menghubungkan ITT Gombak ke Pelabuhan Klang, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang maklumat tersebut.
4. Oleh yang demikian, pada masa ini, tiada sebarang keputusan di peringkat Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan pembangunan projek *ECRL*. Bagi menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat Gombak Setia, Kerajaan Negeri belum menerima apa-apa permohonan berkaitan tanah-tanah yang terlibat. Oleh itu, tiada sebarang perbincangan berkaitan perihal tanah mahupun jumlah pampasan yang akan diberikan kepada penduduk terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : PASAR TAMAN SRI MUDA

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini pembinaan pasar baru di Taman Sri Muda, bilakah ia boleh dimasuki oleh peniaga.
- b) Nyatakan pecahan jumlah peniaga di sini dan apakah ada tambahan peniaga baru.
- c) Berapakah jumlah pakir untuk kenderaan bagi kemudahan orang ramai dan golongan OKU di sini?

JAWAPAN:

- a) Status pembinaan pasar baru di Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam adalah seperti berikut:

Tarikh mula : 1 Jun 2017

Tarikh siap : 30 November 2018

Kemajuan Kerja;

Sasaran: 6.08%

Sebenar: 4.03% (*progress*)

Lewat: 2.05%

Jika tiada kelewatan peniaga boleh memulakan operasi pada 31 Disember 2018.

Tarikh Iklan : 28 Februari 2017

Tutup Iklan : 29 March 2017

Mesyuarat Penilaian Tender : 13 April 2017

Mesyuarat Lembaga Tender Perolehan Negeri : 26 April 2017

Tarikh Lantikan : 1 Jun 2017

Nama Syarikat : Potensi Cekal Sdn. Bhd.

- b) Pecahan jumlah peniaga di Pasar Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam adalah seperti berikut:

Bangsa	Bilangan Peniaga
Melayu	45
Cina	123
India	83
Jumlah	251

Tiada tambahan peniaga baru di Pasar Taman Sri Muda kecuali pertukaran nama penyewa di kalangan ahli keluarga sahaja yang dibenarkan.

- c) Jumlah parkir untuk kenderaan bagi kemudahan orang ramai dan golongan OKU di Pasar Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam adalah seperti berikut:

Tempat Letak Kereta	:	214 petak
Tempat Letak Kereta OKU	:	4 petak
Tempat Letak Motorsikal	:	75 petak

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PEMANTAUAN SEKOLAH DAN MAAHAD TAHFIZ PERSENDIRIAN

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan merancang untuk memantau secara lebih dekat perjalanan dan keadaan infrastruktur sekolah-sekolah, maahad tahfiz persendirian di seluruh negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan Pemerkasaan Sekolah Tahfiz di Selangor daripada Dengkil. (Soalan No. 44)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PERUNTUKAN PELANCONGAN

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada PBT yang menganjurkan aktiviti-aktiviti Tahun Melawat Hulu Selangor 2017 dan Tahun Melawat Klang 2017.
- b) Nyatakan projek atau aktiviti pelancongan di Selangor yang menerima peruntukan yang terbesar pada tahun 2017 dan impaknya.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan kepada Majlis Perbandaran Klang sebanyak RM345,398.30 melibatkan tujuh (7) program iaitu sebanyak RM125,000.00 dan lima (5) projek pelancongan iaitu sebanyak RM220,398.30 bersempena dengan Tahun Melawat Klang 2017.

Bagi menjayakan program Tahun Melawat Hulu Selangor 2017 pula, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 28 projek menaik taraf produk pelancongan dengan kos berjumlah RM970,000.00. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sejumlah RM110,000.00 bagi penganjuran 4 program pelancongan yang diadakan bersempena Tahun Melawat Hulu Selangor 2017.

Senarai program dan projek pelancongan yang dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :

i. Tahun Melawat Klang 2017

Bil	Perkara	Peruntukan diluluskan (RM)
Program & Acara		
1	Aktiviti Menaiki <i>Smart Bus & Royal Klang Heritage Walk</i> .	10,000.00
2	<i>Klang Art Festival</i> .	15,000.00
3	Kayuhan Basikal Klasik.	15,000.00
4	Pertandingan Fotografi.	15,000.00

Bil	Perkara	Peruntukan diluluskan (RM)
5	Kayuhan Merentasi Jambatan Klang.	15,000.00
6	Larian Bandar Diraja Klang.	35,000.00
7	<i>Festival International Art</i> Ketam.	20,000.00
Jumlah Kecil (RM)		125,000.00
Projek-projek Kecil		
1	Penambahbaikan lampu pameran (<i>downlight</i>) di Galeri Diraja Klang.	20,000.00
2	Menaiktaraf Sistem Elektrik di Galeri Diraja Klang.	21,200.00
3	Kerja-kerja membina tanda tunjuk arah <i>Royal Klang Heritage Walk</i> .	87,794.50
4	Kerja-kerja memasang lampu isyarat untuk pejalan kaki di <i>Royal Klang Heritage Walk</i> .	78,715.60
5	Kerja-kerja pelebaran jalan di hadapan Galeri Diraja Klang.	12,688.20
Jumlah Kecil (RM)		220,398.30
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		345,398.30

ii. Tahun Melawat Hulu Selangor 2017

Bil	Perkara	Peruntukan diluluskan (RM)
Program & Acara		
1	<i>Wings Of KKB: International Selangor Bird Race</i> 2017.	50,000.00
2	Larian Raja Bukit.	20,000.00
3	<i>King of Mountain Cycling Challenge</i> 2017.	20,000.00
4	Hulu Selangor <i>Food Festival</i> 2017.	20,000.00
Jumlah Kecil (RM)		110,000.00

Bil	Perkara	Peruntukan diluluskan (RM)
Projek-projek Kecil		
1	Cadangan menaik taraf kawasan rekreasi Air Terjun Serendah dan Telaga Tujuh, Serendah.	105,000.00
2	Cadangan menaik taraf Bandar Kuala Kubu Bharu : Warisan Bandar Taman.	150,000.00
3	Cadangan menaik taraf Kolam Air Semula jadi di Pusat Terapi Semula jadi Hulu Tamu.	195,000.00
4	Cadangan pemasangan Papan Tanda Penunjuk Arah Kawasan Pelancongan di daerah Hulu Selangor.	20,000.00
5	Cadangan Mengecat Keseluruhan Bangunan TIC (<i>Tourist Information Centre</i>) di Pusat Bandar Kuala Kubu Bharu & kerja-kerja pembaikan am pada bangunan.	20,000.00
6	Cadangan menaik taraf tandas awam di Jalan Abdul Hamid, Pusat Bandar Kuala Kubu Bharu untuk kegunaan awam & pelancongan.	20,000.00
7	Cadangan menaik taraf kemudahan laluan ke Bukit Kutu, Mukim Peretak, Hulu Selangor.	40,000.00
8	Cadangan kerja-kerja menaik taraf ' <i>Look Out Point</i> ' Empangan Sungai Selangor, Mukim Peretak, Hulu Selangor.	20,000.00
9	Cadangan Taman Rama-Rama di Bukit Batu Pahat, Mukim Peretak, Hulu Selangor.	20,000.00
10	Cadangan Jejak Warisan Kuala Kubu Bharu, Mukim Ampang Pechah, Hulu Selangor.	20,000.00
11	Menaik taraf Jalan Naik ke Bukit Batu Pahat, Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.	20,000.00
12	Kerja-kerja membina <i>Street Art of KKB</i> .	20,000.00
13	Kerja-kerja menaik taraf Dataran Kuala Kubu Bharu.	60,000.00
14	Cadangan pemasangan papan tanda Selamat Datang di lokasi masuk ke pekan Kuala Kubu Bharu	20,000.00

Bil	Perkara	Peruntukan diluluskan (RM)
15	Cadangan menyediakan lapangan pelepasan di Bukit Batu Pahat, Kuala Kubu Bharu.	20,000.00
16	Kerja-kerja baik pulih kawasan rekreasi Sungai Inki, Kalumpang.	20,000.00
17	Kerja- kerja membaik pulih kemudahan awam di Kawasan Rekreasi Kolam Air panas Kerling, Kalumpang untuk Majlis Daerah Hulu Selangor.	20,000.00
18	Kerja-kerja menaik taraf mercu tanda di sempadan pintu masuk sempadan Hulu Selangor-Tanjung Malim.	20,000.00
19	Kerja-kerja menaik taraf mercu tanda di sempadan pintu masuk sempadan Rawang-Sg. Choh.	20,000.00
20	Kerja-kerja menaik taraf kemudahan di kawasan rekreasi Air Terjun Serendah.	20,000.00
21	Kerja-kerja menaik taraf di kawasan rekreasi Hutan Pelajaran Sungai Kedondong, Batang Kali.	20,000.00
22	Kerja-kerja menaiktaraf di kawasan rekreasi Sungai Semangkok.	20,000.00
23	Kerja-kerja membekal dan memasang Ponton untuk platform di Tasik Taman Millenium.	20,000.00
24	Kerja-kerja menaik taraf kemudahan awam kawasan rekreasi Sungai Selangor.	20,000.00
25	Kerja-kerja membekal tong sampah ' <i>Leach Bin</i> ' berkapasiti 1100L untuk kawasan rekreasi MDHS.	20,000.00
26	Kerja-kerja membekal dan memasang papan tanda amaran dan papan tanda informasi kawasan rekreasi Majlis Daerah Hulu Selangor	20,000.00
27	Kerja-kerja menaik taraf kemudahan awam kawasan rekreasi Sungai Alor Lempah, KKB	20,000.00
Jumlah Kecil (RM)		990,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		1,100,000.00

- b) Sehingga bulan Oktober 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM595,000.00 bagi tujuan penganjuran enam (6) program dan acara utama negeri iaitu :
- a. Majlis Menandatangani Persefahaman (MOU) Antara Tourism Selangor dan Syarikat Penerbangan Sempena Asean Tourism Forum (ATF) 2017;
 - b. Acara 27th Raja Muda Selangor *International Regatta* 2017;
 - c. Acara Larian Malaysia *Woman Marathon* 2017;
 - d. Selangor *International Indigenous Arts Festival* 2017;
 - e. Festival Bon Odori 2017; dan
 - f. Sambutan-sambutan Perayaan Kerajaan Negeri.

Perbelanjaan bagi program-program dan acara tersebut mewakili sebanyak 13% daripada keseluruhan peruntukan bagi aktiviti promosi dan acara pelancongan Negeri. Hasil daripada penganjuran acara-acara tersebut Kerajaan Negeri menyasarkan penyertaan pelancong domestik dan antarabangsa sebanyak 80 ribu orang.

Pada masa yang sama, aktiviti-aktiviti tersebut adalah bertujuan untuk mempromosikan Negeri Selangor sebagai salah sebuah negeri yang unik dan kaya dengan kepelbagaian latar belakang, budaya dan masyarakat. Sebagai contoh, melalui penganjuran Selangor *International Indigenous Arts Festival* 2017 yang merupakan penganjuran tahun ke-3 telah menarik minat penyertaan dari dalam dan luar negara termasuklah wakil Orang Asal dari Negara Taiwan, Filipina, Indonesia dan lain-lain.

Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri juga memberi fokus terhadap pembangunan menaik taraf infrastruktur Pelancongan Khazanah seperti Bukit Melawati, Taman Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Pekan Kuala Kubu Baru dan Galeri Diraja Klang. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.095juta yang mewakili sebanyak 44% daripada jumlah keseluruhan peruntukan menaik taraf produk pelancongan Negeri Selangor.

Selain daripada aktiviti pelancongan tersebut, Kerajaan Negeri turut membelanjakan sebanyak RM200,000.00 bagi tujuan aktiviti promosi pelancongan Negeri melalui pengiklanan aplikasi *Google Advertisement Display*.

Melalui promosi menggunakan aplikasi *Google Advertisement Display* ini, sebanyak 4 juta kali tayangan di dalam laman web *Youtube* akan disiarkan yang dijangka akan mencapai 1.2 juta penonton yang menyaksikan tayangan klip pelancongan Negeri Selangor berdurasi selama 30 saat. Pada masa yang sama, sebanyak 200 ribu paparan iklan atas talian di seluruh dunia yang dijangka akan mencapai 50 ribu klik.

Pengiklanan melalui *Google Advertisement Display* ini mampu memberi impak yang berkesan dalam usaha menarik kedatangan pelancongan tempatan dan antarabangsa memandangkan aplikasi ini digunakan oleh 2 bilion orang pengguna di seluruh dunia berbanding kaedah pengiklanan konvensional yang amat terhad capaiannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : KERAJAAN MENGADAKAN/ MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN BAS
SELANGORKU DARI PUCHONG PERMAI KE HOSPITAL BESAR
SERDANG**

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah kerajaan mengadakan/menyediakan perkhidmatan Bas Selangorku dari Puchong Permai ke Hospital Besar Serdang?

JAWAPAN:

- a) Melalui penelitian saya, dua soalan telah ditanyakan tentang perkara berkaitan laluan Bas Smart Selangor. Soalan-soalan tersebut datangnye dari:

No Soalan	Nama ADUN	Tajuk Soalan
153.	Dusun Tua	KEPERLUAN BAS SMART SELANGOR DI HULU LANGAT a) Adakah Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan keperluan Bas Smart Selangor melalui Jalan Bukit Ampang dari Ampang ke Pekan Hulu Langat memandangkan laluan tersebut sekarang ramai penggunaanya dan menjadi laluan pintas ke Gombak dan ke Putrajaya? b) Jika ya, nyatakan perancangannya

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung permohonan Bas Smart Selangor di laluan-laluan yang dipohon.

1. Sambutan terhadap perkhidmatan Bas Smart Selangor yang sangat memberangsangkan telah memberikan maklum balas yang positif kepada Kerajaan Negeri untuk sentiasa menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Kerajaan Negeri juga akan memberi fokus kepada penambahbaikan perkhidmatan Bas Smart Selangor dan tambahan laluan-laluan baru yang akan dilakukan berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor iaitu:

- (a) Menepati struktur *Bus Network Revamp* oleh SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas sedia ada;
 - (b) Perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain;
 - (c) Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat kerajaan, sekolah, stesen komuter, stesen LRT dan sebagainya serta kawasan komersil dan kompleks perniagaan; dan
 - (d) Mempunyai *connectivity* dengan sistem pengangkutan yang lain seperti stesen komuter atau stesen LRT/MRT/BRT.
2. Bagi laluan yang dimohon oleh Yang Berhormat Seri Serdang, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) perlu melihat kesesuaian laluan tersebut berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan dan seterusnya mengemukakan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, laluan ke Hospital Besar Serdang telah diambil kira di dalam laluan ke-4 Bas Smart Selangor MPSJ (SJ04A) iaitu laluan KTM Komuter Serdang sehingga ke Hospital Serdang.
3. Manakala bagi laluan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dusun Tua, Pihak Berkuasa Tempatan akan diminta bersama Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk menjalankan kajian keperluan dan permintaan serta mengkaji kesesuaian laluan bagi operasi di kawasan ini demi keselamatan pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PEMBAKARAN HARAM

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pembakaran tempurung secara haram di tapak-tapak tanah persendirian semakin berleluasa. Apakah tindakan tegas dan sepatutnya yang boleh di ambil oleh PBT dan PTD ke atas pengusaha-pengusaha ini kerana walaupun kompaun telah dikenakan ianya tidak berkesan.

JAWAPAN:

- a) Pihak PBT sentiasa menjalankan pemantauan dan siasatan bagi mengesan kegiatan pembakaran tempurung di kawasan-kawasan yang disyaki bagi memastikan tindakan tegas di bawah akta serta undang-undang berkaitan yang berkuat kuasa terus dilaksanakan ke atas pengusaha-pengusaha pembakaran tempurung yang tegar. Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) melalui Jabatan Pelesenan telah mengeluarkan empat (4) notis arahan pemberhentian aktiviti perniagaan kepada pemilik-pemilik lot tanah atas kesalahan tidak mempunyai lesen perniagaan yang sah dengan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007.

MDKS melalui Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran dengan kerjasama PDT Kuala Selangor (PDTKS) berjaya melakukan operasi sitaan dan merobohkan tapak pembakaran tempurung yang menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk pada Jun 2017. Sehingga September 2017, sebanyak 10 notis telah dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha kilang tempurung dan 5 kompaun telah dikeluarkan. Daripada 4 premis kilang tempurung yang terdapat di kawasan Ijok, hanya satu yang masih beroperasi dan operasi bersepadu akan dijalankan dalam masa terdekat terhadap kilang tersebut.

Selain daripada itu, MDKS melalui Jabatan Kawalan Bangunan juga merujuk kepada sub-seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang menyatakan tiada seseorang boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM50,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya dan juga boleh dikenakan denda tambahan sebanyak RM1,000.00 bagi tiap-tiap kesalahan itu diteruskan selepas sabitan. Tindakan ini boleh diambil sekiranya terdapat binaan tanpa kebenaran di atas tapak berkenaan.

PDTKS pula boleh mengeluarkan notis 7A iaitu notis melanggar syarat tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965 sekiranya betul pelanggaran syarat itu berlaku selepas siasatan dilakukan. Sekiranya pemilik tanah enggan memulihkan tanah tersebut, notis 8A boleh dikeluarkan yang boleh menyebabkan tanah itu dirampas oleh Kerajaan Negeri. Walaupun begitu, proses ini memakan masa yang lebih panjang berbanding jika kompaun kesalahan diberikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : LEBUH RAYA PANTAI BARAT SEMENANJUNG (WCE)

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembinaan lebuh raya tersebut?
- b) Nyatakan jumlah aduan yang diterima dari pembinaan lebuh raya tersebut?
- c) Apakah bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam membina lebuh raya tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YB, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa Pembinaan Lebuh raya Pantai Barat Semenanjung (WCE) ketika ini melibatkan kerja-kerja pembersihan tapak, kerja tanah, perparitan, pengalihan utiliti, rawatan tanah (*ground treatment*) dan kerja-kerja pembinaan jambatan yang melibatkan pakej-pakej bagi kedua-dua negeri iaitu di Negeri Selangor dan Negeri Perak. Di samping itu, terdapat juga sebahagian pakej yang masih terlibat dengan proses pengambilan balik tanah dan juga proses reka bentuk. Sehingga tempoh berakhir September 2017, status kemajuan keseluruhan jajaran Lebuh raya WCE di Selangor adalah 22.44% berbanding kemajuan kerja yang dirancang sebanyak 31.11%. Perbezaan sebanyak 8.67%. Berikut merupakan status terkini bagi setiap seksyen:

SEKSYEN	KAWASAN	KETERANGAN KERJA	PERATUS
1	Banting – South Klang Valley Expressway (SKVE)	<p><u>Kerja Tanah</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-kerja menyelenggara laluan sementara dari kawasan rehat SKVE ke CH.18000 2. Kerja-kerja pengorekkan longkang tanah sementara di CH.19320 – CH.20140 (LHS & RHS) 3. Kerja-kerja menambak tanah di lapisan Embankment di CH.18660 – CH.18830 (LHS) (Lapisan ke-2) 4. Kerja-kerja menambak tanah di lapisan Embankment di CH.19720 – CH.20140 (RHS & LHS), CH19320 – CH.19700 (LHS) (Lapisan pertama) Kerja-kerja membina pressure berm di CH.18240 – 	8.88%

SEKSYEN	KAWASAN	KETERANGAN KERJA	PERATUS
		<p>CH.18320</p> <p>5. Kerja-kerja pemotongan tanah (good earth) hingga ke aras rekabentuk (design level) di CH.25400 – CH.25600</p> <p>6. Kerja-kerja menambak tanah di lapisan Embankment di CH.25900 - CH.26200, CH.26300-CH.26700 & CH.27500-CH.27700 (RHS) (Lapisan pertama)</p> <p><u>Kerja Geoteknikal</u></p> <p>1. Kerja-kerja menanam Prefabricated Vertical Drain (PVD) di CH.19680 – CH.19740 (LHS)</p> <p>2. Kerja Prefabricated Vertical Drain (PVD) di CH25700-26200 dan CH26300-26700 RHS</p> <p>3. Kerja penanaman Stone Column sedang di jalankan di CH.28080 – CH.28100</p> <p><u>Kerja Jambatan - Bridge S1-1 (Cross Over SKVE)</u></p> <p>1. Kerja penanaman cerucuk.</p> <p>2. Pier 19,20,21,22,23,24,25 & Abutment B : 100% Completed</p> <p>3. Pile Embankment Abutment B : 4/84 (5% completed)</p> <p><u>Kerja Jambatan - Bridge S1-6 (Banting Interchange)</u></p> <p>1. Kerja penanaman cerucuk.</p> <p>a. Pier 1 : Siap 1/16 (6%)</p> <p>b. Pier 2 : Siap 1/16 (6%)</p> <p>c. Pier 3 : Siap 1/16 (6%)</p> <p>d. Abutment A : 1/16 (6%)</p>	
2	SKVE – KESAS	<p>1. Kerja membaik pulih jalan tanah dari CH 13+100 ke CH 13+600</p> <p>2. Kerja membina laluan sementara ke jambatan S2-2</p> <p>3. Pembinaan longkang tanah sementara dari CH 13+000 ke CH 13+600</p> <p>4. Kerja Pembinaan “Silt Trap” No. 14</p> <p>5. Kerja pengorekan tanah gambut dari CH 13+060 to CH 13+040</p> <p>6. Kerja penimbusan tanah dari CH 13+120 to CH 13+340</p>	5.35%

SEKSYEN	KAWASAN	KETERANGAN KERJA	PERATUS
3	KESAS – NKVE/FRH2	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-kerja pembersihan tapak 2. Kerja-kerja pemantauan alam sekitar 'Environmental Monitoring' 3. Kerja-kerja pengorekan dan pemindahan sampah sarap 4. 'waste materials' 5. Kerja-kerja pengorekan dan pemindahan sisa pertanian 'biomass dan gambut 'peat' 6. Kerja-kerja penambakan tanah dan pasir 'sand blanket' 7. Kerja-kerja 'stone column' 8. Kerja-kerja penanaman 'spun pile' 600mm diameter untuk kerja-kerja jambatan. 9. Kerja-kerja penanaman 'spun pile' 300mm diameter untuk kerja-kerja 'pile embankment'. 10. Kerja-kerja pemasangan 'Prefabricated Vertical Drain' (PVD) 	18.65%
4	NKVE/FRH2 – New North Klang Straits Bypass (NNKSB)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja pengorekan tanah dan kerja konkrit untuk "Caisson ring". 2. Kerja konkrit untuk "Caisson pile". 3. Kerja pembinaan "pile cap", "portal", "precast post tensioned Super U-beam", "crosshead Segment 1 void", "deck slab" dan struktur "reinforced concrete" yang lain. 4. Kerja "stressing" untuk "segmental crosshead". 5. Kerja pembinaan "precast pretensioned Super U-Beam" dan "precast crosshead segments" di Salak Tinggi. 6. "Sonic Logging Test" untuk "Caisson pile". 7. Kerja peralancaran dan "precast crosshead segment". 8. Kerja "roadworks". 	73.20%
5	New North Klang Straits Bypass (NNKSB) - Kapar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja pembinaan pilecap di Jambatan S5-1 & S5-3 2. Kerja pembinaan column di Jambatan S5-1 & S5-3 3. Kerja pembinaan crosshead di Jambatan S5-1 & S5-3 4. Kerja "fixing rebar" untuk Diaphragm beam di Jambatan S5-1 & Jambatan S5-3 & Jambatan S5-4 	55.69%

SEKSYEN	KAWASAN	KETERANGAN KERJA	PERATUS
		<ol style="list-style-type: none"> 5. Kerja Beam launching di jambatan S5-1 Abutment A 6. Kerja Memasang RE Wall di jambatan S5-1 Abutment B, Jambatan S5-2 Abutment A & Jambatan S5-3 Abutment B 7. Kerja menanam 300 Dia. Spun pile di Jambatan S5-6 Abutment B 8. Kerja membina borepile di Jambatan S5-6 9. Kerja menanam 600 Dia. Spun pile di Jambatan S5-1 & jambatan S5-2 Abutment A 10. Kerja "earth filling for embankment" di CH 6400 – CH 6440 & CH12100 – CH12120. 11. Kerja "laying of U Drain" di Jalan Sungai Puloh 1 12. Kerja Soil Investigation di jambatan S5-6 13. Kerja PDA Test ke atas 600mm dia Spun pile di Jambatan S5-2 Abutment A 14. Kerja Trimming Slope di Mainline CH 9000 - CH 9700 	
6	Kapar – Assam Jawa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemotongan bukit di CH23600 – CH23400 2. Kerja – Kerja mengisi lapisan tanah untuk kawasan E&R di CH23670 – CH23760 (LHS) 3. Kerja – Kerja mengisi lapisan tanah untuk lapisan tambak di atas lapisan pasir PVD sepanjang CH22590 – CH22000 (RHS) 4. Kerja – kerja mengisi lapisan pasir yang kedua di atas platform PVD sepanjang CH22000 – CH21700 (RHS) 5. Kerja – kerja mengisi lapisan tanah untuk platform PVD sepanjang CH22590 – CH22000 (LHS) 6. Kerja – kerja mengisi lapisan pasir yang pertama untuk platform PVD sepanjang CH22590 – CH22200 (LHS) 7. Kerja – kerja pemasangan "PVD" sepanjang CH22590 – CH22420 (LHS) dan CH21060 – CH21070 	7.41%

SEKSYEN	KAWASAN	KETERANGAN KERJA	PERATUS
		(LHS). 8. Kerja – kerja peralatan dan pemantauan untuk RSG-64 di CH22500, DLD 9 di CH22250 dan DLD 10 di CH23110. 9. Kerja – kerja pengorekan longkang sementara sepanjang CH20500 – CH20100 (RHS)	
7	Assam Jawa – Tanjung Karang	Dalam proses reka bentuk dan pengambilan tanah. Kerja pembinaan belum dimulakan.	0%

b) Manakala dari segi aduan, WCE melaporkan bahawa aduan tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Aduan	Tindakan Penyelesaian
1.	19 Oktober 2015	Aduan mengenai lencongan yang dibuat di kawasan pembinaan mengelirukan pengguna jalan raya	Pembaikan dilakukan pada pelan pengurusan trafik dalam masa 24 jam untuk melancarkan trafik
2.	21 Oktober 2015	Aduan untuk membuka jalan terus 'direct access' daripada Taman Rashna ke Lebuhraya Persekutuan 2 (FHR2), di mana sebelum bermula pembinaan lebuhraya pantai barat seksyen 4, terdapat satu 'illegal access' ke FHR2.	Pihak WCE telah memberi penjelasan kepada pengadu di mana 'direct access' ke lebuhraya adalah dilarang
3.	7 Disember 2015	Bantahan penduduk berhubung jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat di Seksyen 7 iaitu dari Assam Jawa ke Tanjung Karang di sepanjang 10km terakhir yang akan melalui beberapa kampung seperti Kg. Dato' Ahmad Razali, Kg. Sungai Tengi dan Kg. Sungai Gulang-gulang	Sesi taklimat serta sesi dialog bersama penduduk telah diadakan bagi memaklumkan kepada penduduk setempat mengenai jajaran WCE
4.	23 Februari 2016	Bantahan penduduk berhubung jajaran Lebuhraya	Sesi taklimat serta sesi dialog bersama penduduk

Bil	Tarikh	Aduan	Tindakan Penyelesaian
		Persisiran Pantai Barat di Seksyen 7 iaitu dari Assam Jawa ke Tanjong Karang di sepanjang 10km terakhir yang akan melalui beberapa kampung seperti Kg. Dato' Ahmad Razali, Kg. Sungai Tengi dan Kg. Sungai Gulang-gulang	telah diadakan sekali lagi bagi memaklumkan kepada penduduk setempat mengenai jajaran WCE. Perkara ini telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri.
5.	25 Mei 2016	Aduan mengenai kerosakan rumah (retak di bahagian, jubin lantai rumah)	WCE telah membuat lawatan ke rumah tersebut bersama kontraktor kerja dan mendapati kerosakan adalah disebabkan oleh mutu kerja pemasangan jubin dan bukan daripada kerja-kerja pembinaan lebuhraya.
6.	8 Jun 2016	Pertanyaan-pertanyaan yang diterima oleh Pejabat YB. Dr. Xavier Jayakumar berhubung dengan status pelaksanaan projek lebuhraya WCE khususnya berkaitan dengan jajaran lebuhraya yang terlibat, keluasan tanah yang akan diambil dan jumlah pampasan yang akan dibayar	Pihak LLM dan WCE telah memberikan taklimat dan penerangan kepada penduduk pada 15 Jun 2016 di Pejabat YB. Dr. Xavier.
7.	17 Ogos 2016	Aduan mengenai kerosakan dinding pagar rumah dan juga keretakan di bahagian tingkap	WCE telah membuat lawatan ke rumah tersebut bersama dengan kontraktor kerja dan hasil siasatan menunjukkan keretakan telah wujud sebelum pembinaan bermula hasil daripada rujukan melalui laporan 'dilapidation'
8.	27 Disember 2016	Aduan daripada penduduk Taman Rashna di mana kenderaan berat yang melalui kawasan ini telah menyebabkan kerosakan	Pihak WCE telah membuat lawatan bersama pihak kontraktor dan mendapati kawasan tersebut bukan berada di dalam kawasan

Bil	Tarikh	Aduan	Tindakan Penyelesaian
		pada rumah mereka dan tiada penyelenggaraan dibuat selepas kerja-kerja pengorekan dilakukan	pembinaan WCE

- c) Untuk makluman YB, pembinaan mana-mana lebuhraya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Peranan Kerajaan Negeri adalah mempertimbangkan dan meluluskan proses pengambilan balik tanah berdasarkan cadangan jajaran serta memberikan kelulusan jajaran yang melalui Negeri Selangor. Pelaksanaan dan pemantauan kepada kerja-kerja pembangunan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : APLIKASI PARKIR DALAM TALIAN PBT

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan jumlah pelanggan menggunakan aplikasi parkir dalam talian yang dikendalikan oleh *Flexi parking* mengikut susunan Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya?
- b) Berapakah kos pengurusan dibayar oleh setiap PBT untuk *flexiparking*?

JAWAPAN:

a) dan b)

Jumlah pelanggan yang menggunakan aplikasi parkir dalam talian yang dikendalikan oleh *Flexi Parking* bagi empat (4) PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) sebanyak 26,268 orang. Seterusnya, jumlah kos pengurusan "*Flexi Parking*" hanya di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) berjumlah RM3,995.34. Manakala tiga (3) PBT lain iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) tidak mempunyai kos pengurusan "*Flexi Parking*". Berikut adalah butiran jumlah pelanggan dan kos pengurusan Aplikasi "*Flexi Parking*" seperti berikut:

PBT	JUMLAH PELANGGAN MENGUNAKAN APLIKASI "FLEXI PARKING" TAHUN 2017	KOS PENGURUSAN "FLEXI PARKING" (RM)
MBSA	10,819	Ditanggung oleh konsesi

PBT	JUMLAH PELANGGAN MENGUNAKAN APLIKASI "FLEXI PARKING" TAHUN 2017	KOS PENGURUSAN "FLEXI PARKING" (RM)
MPAJ	8,876	RM3,995.34
MPS	2,913	Ditanggung oleh konsesi
MPSp	3,660	Ditanggung oleh konsesi
JUMLAH	26,268	RM3,995.34

Nota: Sumber Pihak Berkuasa Tempatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : LOJI RAWATAN AIR (LRA)

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perkembangan terkini bagi pembinaan LRA Labohan Dagang dan Semenyih 2
- b) Sejauh manakah penyelesaian terhadap pengambilan tanah bagi kedua-dua LRA tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

1. Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan No. 42 dari Y.B. Tanjung Sepat, No. 118 dari Y.B. Kinrara dan No. 241 dari Y.B. Kg Tunku bersekali kerana kesemua pertanyaan ini melibatkan perkara yang sama, iaitu berkenaan pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Labohan Dagang.
2. Projek pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dijadualkan siap pada 19 Disember 2017. Pada ketika ini, kerja-kerja di tapak setakat 30 September 2017 telah mencapai 87%. Kerja-kerja pemasangan kabel TNB juga berjalan lancar dan dijangkakan penyambungan elektrik ke loji akan diaktifkan pada pertengahan bulan November ini. Kerja-kerja *Testing & Commissioning* Loji Rawatan Air dijangka akan bermula pada akhir November 2017.
3. Seterusnya, bagi Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang, ia telah disusun kepada lima (5) pakej iaitu:-

Bil	Nama Pakej	Tarikh Mula	Tarikh Siap
1.	PAKEJ A - Kerja-kerja Pengukuhan dan Pemuliharaan Kolam Pra-rawatan dan Kolam Utama Termasuk Membina Mukasauk di Sungai Langat.	14 September 2016	13 Mac 2018
2.	PAKEJ B- Pembinaan Tangki Air	14 Oktober	27 April 2016

Bil	Nama Pakej	Tarikh Mula	Tarikh Siap
	Konkrit Bertetulang Muatan 40 Juta Liter (JL) di Bukit Jugra, Kuala Langat, Selangor.	2016	
3.	PAKEJ C1 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor	09 Disember 2016	07 Jun 2018
4.	PAKEJ C2 - Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Paip M.S. Bergarispusat 1800 Mm serta Kerja-kerja Berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor	14 Februari 2017	13 Ogos 2018
	PAKEJ D - Menguji dan Mentauliah Sebuah Loji Rawatan Air Berkapasiti 200 Mld serta Kerja-Kerja Berkaitan di Labohan Dagang, Kuala Langat, Selangor	07 Julai 2017	11 Oktober 2018

4. Pada ketika ini kerja-kerja di tapak telah bermula dan kerja-kerja pembinaan dijangka mengikut jadual yang telah ditetapkan. Setakat 24 Oktober 2017, kemajuan sebenar di tapak bagi keseluruhan projek Labohan Dagang telah mencapai 12%. Projek ini dijadualkan siap dan beroperasi sebelum Disember 2018.

5. Berkenaan dengan pengambilan balik tanah yang terlibat bagi kedua-dua projek Semenyih 2 dan Labohan Dagang, ia telah diselesaikan sepenuhnya. Bagi tanah-tanah yang telah dikemukakan Borang G dan H oleh Pejabat Tanah, pembayaran balik telah pun diselesaikan. Terdapat juga beberapa pemilik tanah yang mengemukakan Notis Bantahan ke atas nilai pampasan yang telah dipersetujui dan merujuk perkara ini ke Mahkamah. Kerajaan Negeri akan membayar nilai sebenar pampasan sebagaimana yang akan ditentukan oleh Mahkamah bagi kes-kes bantahan ini.
6. Bagi Projek Semenyih 2, lot tanah persendirian yang terlibat adalah sebanyak 3 lot sahaja. Manakala bagi Projek Labohan Dagang, tanah persendirian yang terlibat untuk keseluruhan projek adalah sebanyak 100 lot dan jumlah luasannya adalah sebanyak 39.1837hektar.
7. Y.B Kg. Tunku juga ada bertanyakan mengenai status Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2, ia dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Melalui maklumat yang diperoleh, setakat 23 Oktober 2017, kerja-kerja sebenar di tapak telah mencapai 64.47% berbanding jadual sebanyak 71.40%. Tarikh jangkaan siap keseluruhan projek dijadualkan pada akhir tahun 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : JKKK *MAPPING*

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri telah melaksanakan JKKK *mapping* yang memastikan penduduk kampung telah menikmati program Inisiatif Peduli Rakyat serta bantuan-bantuan lain selain mengenal pasti data demografi penduduk?
- b) Jika ya, apakah pelan perancangan yang dibuat bagi memastikan *mapping* ini lengkap?

JAWAPAN:

a) dan b)

Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) merupakan program yang direncanakan di bawah pimpinan YAB Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali. Di bawah Inisiatif Peduli Rakyat, terdapat pelbagai program bantuan diberikan yang memfokuskan kepada golongan berpendapatan rendah di Negeri Selangor dalam mendepani cabaran kos sara hidup yang semakin meningkat. Buat masa ini, tiada sebarang *mapping* dilaksanakan berhubung dengan penerima bantuan IPR di Negeri Selangor. Namun begitu, Kerajaan Negeri sedang melengkapkan data-data berhubung dengan program IPR dengan pembangunan sistem yang lebih bersepadu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : BAS SMART SELANGOR

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan jangka masa panjang Kerajaan Negeri bagi memperbaiki mutu perkhidmatan Bas Smart Selangor?
- b) Berapakah jumlah bas yang masih beroperasi sehingga kini mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa terbuka terhadap ruang-ruang penambahbaikan kepada perkhidmatan Bas Percuma Smart Selangor. Selain menetapkan kriteria tertentu bagi memastikan kualiti dan jangkauan perkhidmatan seperti menepati struktur *Bus Network Revamp* oleh SPAD, laluan di kawasan tumpuan dan padat penduduk, serta mempunyai *connectivity* dengan sistem pengangkutan lain, beberapa penambahbaikan juga telah dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan Bas Smart Selangor sentiasa *reliable* dan relevan untuk jangka masa yang panjang seperti berikut adalah:
 - (a) Perluasan dan penambahan laluan yang lebih fleksibel di antara sempadan dua PBT perlu diperkenalkan dengan lebih banyak bagi memastikan perkhidmatan bas ini lebih menyeluruh di Negeri Selangor;
 - (b) Penambahan bas perlu diambil kira bagi laluan-laluan yang berjarak jauh supaya kekerapan bas dapat dipercepatkan dan ini dapat mengelakkan masalah kelewatan bas dan sebagainya untuk memastikan prestasi perkhidmatan Bas Smart Selangor yang lebih baik;
 - (c) Keperluan pemasangan *Passanger Counting Machine* di dalam bas iaitu Penggunaan mesin pengiraan melalui *sensor* automatik adalah lebih mudah, tepat dan cepat;
 - (d) Seiring dengan peningkatan teknologi terkini, perkhidmatan Bas Smart Selangor perlu tambah baik dengan penggunaan aplikasi supaya capaian maklumat bas dapat diakses dengan lebih cepat dan lancar. Dengan adanya aplikasi terkini, perkhidmatan bas boleh disesuaikan dengan lebih fleksibel mengikut waktu puncak dan keadaan trafik di

jalan raya. Lanjutan itu, Kerajaan Negeri melalui Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) telah membangunkan aplikasi Bas Smart Selangor iaitu *Transport Information System* (TIS) yang akan membolehkan pengguna mengenalpasti kesemua 30 laluan Bas Smart Selangor, menjejak perjalanan bas secara 'real time' dan menyemak waktu ketibaan bas. Pengguna juga boleh mendapatkan "*passenger info display system*" di setiap perhentian bas dengan mengimbas 'QR Code' menggunakan telefon pintar. Ini dapat membantu pengguna mengurus masa dan perjalanan dengan lebih efektif serta tidak perlu menunggu lama di mana-mana perhentian bas seperti sebelum ini; dan

- (e) Dalam memperkasakan sektor pengangkutan awam di Negeri Selangor, inisiatif perkhidmatan Bas Smart Selangor pada tahun hadapan dijangka akan memperkenalkan teknologi bas elektrik sebagai sokongan kepada strategi pembangunan bandar mampan dengan pendekatan rangka kerja *Low Carbon City Framework* (LCCF) di setiap PBT untuk mengurangkan pengeluaran karbon serta penjagaan alam sekitar.
- b) Perkhidmatan Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 dengan sebelas (11) buah bas di tiga kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) kini telah berjaya diperluaskan ke sebelas kawasan PBT yang lain di Negeri Selangor, kecuali Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang mempunyai perkhidmatan bas percuma dikenali PJCitybus. Dalam tempoh dua tahun pelaksanaan, Bas Smart Selangor kini mempunyai 30 laluan dengan 100 buah bas. Jumlah Bas Smart Selangor mengikut PBT adalah seperti berikut:

Bil.	PBT	Jumlah Laluan	Jumlah Bas
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	5	22
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	4	16
3.	Majlis Perbandaran Klang	2	8
4.	Majlis Perbandaran Ampang jaya	3	11
5.	Majlis Perbandaran Kajang	3	8
6.	Majlis Perbandaran Selayang	2	10
7.	Majlis Perbandaran Sepang	3	10
8.	Majlis Daerah Kuala Langat	2	4
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2	4
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2	3
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2	4
JUMLAH		30	100

Manakala bagi PJ City Bus yang dibiayai sepenuhnya oleh MBPJ, sebanyak 22 buah bas telah disediakan bagi empat (4) laluan seperti berikut:

LALUAN	BILANGAN
PJ01	10
PJ02	4
PJ03	4
PJ04	4
JUMLAH	22